

ੴ ਵਾਹਿਗੁਰੂ ਜੀ ਕੀ ਫਤਿਹ
ਮਲੇਸੀਅਨ ਗੁਰਦੁਆਰਾ ਕੌਂਸਲ
MAJLIS GURDWARA MALAYSIA
MALYSIAN GURDWARAS COUNCIL

No. 7A, Jalan Haji Salleh, Sentul, 51100 Kuala Lumpur.
Tel: 603-4050 2329 Tel & Fax: 603-4043 5028
Email: gurdwaracouncil@gmail.com (Reg. No: 777/88)

APPENDIX "E"

MGC/OF/266/05(06-15)PANJ KAKAAR

27th FEB 2015

✓ YB Tan Sri Dr. Madinah bt Mohd
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 8, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA



✓ Dato Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 8, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Pembinaan asal
bersama Majlis ini
telah diadakan pada
4/3/2015

MOHD FUZI BIN MOHD NOR
Pegawai Khas kepada
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Yang Bhg. Tan Sri/Dato' Sri

- Per: (i) Surat Pekeliling Berkenaan Rambut, Janggut & Pemakaian Steel Bangle (Kara) & Pisau (Kirpan) Oleh Murid-Murid Keturunan Sikh
(ii) Permohonan untuk berjumpa dengan Tan Sri / Dato Sri

Kami rujuk kepada Surat Pekeliling:

- (i) NO:KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/Jld.4(6) dari Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, bertarikh 27 April 2011, dan
(ii) Surat Pekeliling K.P. 8543/Vol.II(58) bertarikh 7hb Januari 1976 yang kurang jelas maksudnya.

Adalah dimaklumkan bahawa **5 perkara yang wajib dipatuhi oleh penganut Agama Sikh adalah:-**


1. menyimpan rambut tidak dipotong(seluruh badan)
2. menyimpan 'facial hair' seperti jambang, misai dan sebagainya yang tumbuh dimuka.
3. memakai gelang 'kara'
4. menyimpan sikat 'kangha' dan
5. menyimpan pisau kecil 'kirpan'

Maksud tersirat dalam Pekeliling ialah bahawa apa yang jadi wajib bagi murid murid keturunan **Sikh**, dibenarkan. Memandangkan bahawa beberapa insiden yang tidak diinginkan telah berlaku di beberapa sekolah (memo-memo dilampirkan bersama), Pihak Majlis berpendapat bahawa maksud dalam pekeliling dari Pihak Kementerian tidak berapa jelas tentang keperluan Penganut Agama Sikh.

Majlis Gurdwara Malaysia ialah suatu Pertubuhan Agama Sikh yang mewakili kesemua perkara mengenai Agama Sikh di Malaysia. Majlis Gurdwara Malaysia juga telah diiktiraf oleh Kerajaan. Majlis ini fikir bahawa satu sesi perbincangan perlu diadakan antara pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Persatuan Agama Sikh dan bagi membincangkan kekeliruan tentang keperluan Penganut Agama Sikh.

Kami berharap Pihak Tan Sri/Dato Sri dapat menetapkan satu tarikh bagi mesyuarat, supaya wakil kami boleh terangkan perkara ini.

Kami akhiri dengan ucapan Ribuan Terima Kasih.



JAGIR SINGH
PRESIDEN
MAJLIS GURDWARA MALAYSIA

27/2/2015.